

Mahathir kesal ISNA dengar sebelah pihak

AFH 25 AUG 2000

LONDON, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal terhadap mereka yang mendengar sebelah oihak saja dan tidak dapat membezakan mana yang benar dan yang salah.

Perdana Menteri merujuk kepada Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA), yang menarik balik jemputan kepada beliau untuk berucap pada kongres nersatuan itu di Chicago bulan depan.

Menurut laporan agensi asing, kepemimpinan persatuan itu berasa bahawa anggotanya tidak puas hati terhadap hukuman penjara yang dijatuhkan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Berikutan itu, Dr Mahathir menyifatkan langkah

itu menunjukkan ISNA adalah penyokong Anwar yang bersikap ekstrim kerana enggan menerima pandangan sebelah pihak lagi.

“Itu hak mereka. Saya tidak ada masalah (dengan tindakan ISNA menarik balik jemputannya). Alasan itu menunjukkan mereka penyokong Anwar.

“Inilah penyakit yang kita hadapi. Mereka hanya mendengar pandangan satu pihak dan enggan menerima langsung pandangan satu oihak lagi,” katanya kepada wartawan di Rumah Malaysia, di sini.

Anwar didapati bersalah pada 8 Ogos lalu atas dakwaan meliwat dan dipenjarakan sembilan tahun.

Isnin lalu, Setiausaha Agung ISNA, Sayyid M Syeed, memberitahu

Agence France Presse (AFP) bahawa ahli persatuan itu akan mengadakan bantahan jika Dr Mahathir muncul di perhimpunan ISNA di Rosemont, Illinois, pada 1 hingga 4 September depan.

Ditanya sama ada tindakan ISNA berbaur politik, keterlaluan serta cubaan memalukan beliau, Perdana Menteri berkata: “Saya tidak ambil kisah perkara itu. Saya boleh buat perkara lain.”

“Malahan, saya kasihan kepada mereka disebabkan mereka tidak dapat melihat kebenaran,” kata Dr Mahathir.

Ulasan Perdana Menteri bahawa beliau boleh memberi tumpuan kepada perkara lain bermakna beliau akan menghadiri majlis penyampaian anugerah

kepemimpinan contoh (Lariba) oleh American Finance House (AFH) di Greater Chicago, pada 1 September.

Lariba adalah singkatan kepada ‘Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates.’

Menurut laporan, anugerah Lariba itu akan disampaikan kepada Dr Mahathir apabila beliau melawat Pusat Kebudayaan Islam di Northbrook.

Pengasas AFH, Dr Yahia Abdul Rahman, dijetik sebagai berkataf “Anugerah itu adalah sebagai mengiktiraf sumbangan Dr Mahathir yang sepatutnya menjadi teladan, dalam merangka hala tuju baru pembangunan ekonomi, dasar kewangan, kepelbagaian budaya dan persefahaman kaum.”